

17/10/2003

Veteran perlu beri peluang: Najib

PUTRAJAYA: Nasihat Perdana Menteri supaya ahli politik veteran yang masih memegang jawatan penting berundur, perlu difikirkan sebaik mungkin, terutama bagi mereka yang sudah tidak mampu memberi sumbangan.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, berkata nasihat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu perlu dilihat sebagai ingatan penting supaya dapat memberi peluang kepada muka baru menunjukkan kebolehan.

"Kita patut sedar diri sendiri sama ada kita sudah duduk terlalu lama sehingga tidak lagi memberi kesan (sumbangan) yang baik.

"Kalau kita sudah tidak mampu memberi sumbangan lagi, elok fikir untuk undur diri," katanya yang ditemui pemberita selepas sesi pembukaan Sidang Kemuncak OIC ke-10 di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri yang meminta ahli veteran yang masih memegang jawatan, berundur untuk memberi laluan kepada muka baru bagi menjamin kemenangan dalam pilihan raya umum akan datang.

Najib turut menyifatkan isu veteran itu sebagai mempunyai definisi yang pelbagai mengikut kefahaman individu terbabit.

"Definisi veteran itu masih samar-samar sebab ada orang definisinya lain dan ada berbeza jadi kalau kita nak sebut cara (definisi) umum veteran, nanti ada orang yang tersinggung.

"Kalau kita masih boleh beri sumbangan, maka itu terpulang kepada individu dan parti menentukan perkara ini," katanya.

Dalam perkembangan lain, Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, Malaysia masih mampu menjaga keselamatan negara sendiri tanpa perlu mendapatkan bantuan dari kuasa lain di dunia.

"Apa pun kita juga percaya kebanyakan negara lain di rantau ini perlu menjaga keselamatan negara mereka sendiri," katanya menjawab pertanyaan media asing mengenai Australia yang ingin bertindak sebagai timbalan sherif dunia.

Beliau bagaimanapun berkata ia tidak bermakna negara ini tidak boleh bekerjasama dengan Australia kerana negara itu juga adalah rakan bersama yang menyertai latihan Perjanjian Lima Kuasa Pertahanan (FPDA) yang turut membabitkan Malaysia.